

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**  
**[ TUMPAT ]**

**TARIKH : 12 MAC 2015**

**SOALAN :** Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ]  
minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah perkembangan terkini di selatan Filipina hasil perjanjian damai dengan Kerajaan yang diusahakan oleh Malaysia.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat di atas pertanyaan dan keprihatinan terhadap usaha negara membantu mencapai keamanan serantau.

2. Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, Perjanjian Komprehensif Bangsamoro (CAB) di antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) telah pun dimeterai pada 27 Mac 2014 dan turut disaksikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Malaysia memainkan peranan penting sebagai Fasilitator dalam proses damai di antara kedua-dua belah pihak tersebut sejak tahun 2001. Berdasarkan peruntukan CAB, Suruhanjaya Peralihan Bangsamoro (*Bangsamoro Transition Commission-BTC*) telah dibentuk oleh Presiden Filipina untuk menggubal draf Undang-Undang Asas Bangsamoro (Bangsamoro Basic Law – BBL). Draf BBL tersebut adalah dalam peringkat pertimbangan oleh Kongres Filipina.
  
3. Kerajaan Malaysia melalui pejabat Fasilitator rundingan damai GPH-MILF telah meneruskan usaha-usaha yang sewajarnya ke arah pelaksanaan CAB berkenaan. Usaha-usaha terkini yang telah dijalankan termasuk melalui pertemuan panel rundingan damai GPH – MILF di Kuala Lumpur pada 29 Januari 2015. Antara lain kedua pihak telah bersetuju dan menandatangani Protokol bagi Pelaksanaan Terma Rujukan *Independent Decommissioning Body* (IDB) bagi menyatakan komitmen mereka dalam mencapai objektif bagi proses normalisasi. Mereka juga telah bersetuju untuk memanjangkan mandat kumpulan

pemantau *International Monitoring Team – Mindanao* (IMT-M) bagi tempoh setahun lagi sehingga Mac 2016. Pasukan Pemantau IMT-M10 dari Malaysia akan berlepas ke Mindanao pada 14 Mac 2015 bagi menggantikan pasukan IMT-M9 yang tamat tempoh penugasan mereka selama setahun.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 12 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7506**

**SOALAN:**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status pemindahan Depot Tahanan Imigresen Juru, sama ada ianya telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dan tarikh spesifik pemindahan tersebut.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Projek Pembinaan Depot Tahanan Imigresen Juru, Pulau Pinang akan dimohon kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) *Rolling Plan* Pertama (RP-1) Tahun 2016.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, buat masa ini Kementerian belum dapat menjangkakan tarikh spesifik berhubung pemindahan depot tersebut.**